

# Lawatan PM ke Yemen pertingkatkan hubungan dua hala

UM 16 AUG 2001

Daripada  
OTHMAN MOHAMAD

SANA'A 15 Ogos — Lawatan rasmi empat hari Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Yemen bermula hari ini akan memberi jalan kepada kedua-dua negara mempertingkatkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, perdagangan dan perindustrian.

Ia juga akan membuka ruang kepada usahawan Malaysia yang turut menyertai rombongan Perdana Menteri ini, menerokai pasaran baru di rantau ini serta sebahagian negara di Afrika yang mengandungi pasaran lebih 150 juta penduduk.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, peluang sentiasa terbuka untuk menjadikan Pelabuhan Aden di selatan negara ini sebagai pintu masuk barangan Malaysia seperti ke pasaran Somalia, Ethiopia, Eritrea, Djibouti, Sudan, selatan Oman dan Arab Saudi.

Sudan yang terletak di barat Asia dipisahkan dengan benua Afrika dengan Laut Merah.

Semasa memberi taklimat kepada wartawan Malaysia di hotel penginapannya, Taj Sheba, di sini, Syed Hamid memberitahu kerajaan Yemen turut mempelawa usahawan Malaysia melabur di kawasan Perdagangan Bebas Aden yang sedang dimajukan.

Pada masa yang sama kerjasama kedua-dua hala

dalam sektor perkhidmatan awam serta pembangunan sumber manusia dijangka dapat dipertingkatkan lagi ekoran Yemen mahu menjadikan keupayaan Malaysia dalam kedua-dua sektor itu sebagai model.

Sementara itu Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sana'a di sini pada pukul 6.50 petang waktu tempatan (11.50 malam waktu Malaysia). Upacara sambutan rasmi diadakan sebelum Perdana Menteri berlepas ke tempat penginapan di Republican Palace di sini.

Antara agenda penting lawatan Perdana Menteri yang mengetuai delegasi terdiri daripada menteri, Menteri Besar serta 31 usahawan ialah mengadakan pertemuan dengan Presiden Yemen, Ali Abdullah Salleh serta rakan sejawatannya, Abdul Kader Abdul Rahman Ba Jammal.

Dr. Mahathir juga dijadual menemui ahli-ahli Majlis Syura dan menyaksikan majlis menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) antara Malaysia dan Yemen di sini; berdialog dengan Dewan Perdagangan dan Industri Yemen di Aden; serta menemui para ulama di Maahad Darul Mustafa di Seyoun, wilayah Hadhraumout. Di kota lama Seyoun itu, Dr. Mahathir juga akan menemui para pelajar Malaysia yang sedang menuntut di republik ini.

Selain Syed Hamid, rombongan Dr. Mahathir termasuklah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik, tiga Menteri Besar iaitu Datuk Seri Syed Razak Syed Zain (Kedah), Datuk Seri Adnan Yaakob (Pahang) dan Datuk Abdul Ghani Othman (Johor), Penasihat Hal Ehwal Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, para pegawai kanan kerajaan, beberapa ahli Parlimen dan senator serta 31 usahawan.

Syed Hamid berkata, satu daripada MoU itu ialah mengenai penubuhan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Yemen sebagai mekanisme bagi mempertingkatkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang.

"Ia akan mengadakan pertemuan setiap tahun secara bersilih ganti iaitu di Malaysia dan di Yemen sebagai tuan rumah," tambahnya.

Satu lagi MoU ialah mengenai kerjasama antara perkhidmatan awam kedua-dua negara, yang akan membolehkan pihak Malaysia menyediakan latihan serta modul latihan kepada kakitangan awam Yemen.

Syed Hamid berkata, Menteri Luar Yemen, Dr. Abubaker Al-Qirbi yang mengadakan lawatan ke Malaysia hujung bulan lepas, mendapati Yemen boleh memanfaatkan kejayaan Malaysia dalam sektor awam serta pembangunan sumber manusia. — Utusan.